

KEPUTUSAN LEMBAGA KE ATAS PERMOHONAN LESEN KENDALIAN SEMENTARA (TOL) LYNAS

Atomic Energy Licensing Board
Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)
MALAYSIA

Ensuring Safety, Security & Safeguarding Peaceful Nuclear Activities

PENILAIAN PERMOHONAN LESEN LYNAS

- Mesyuarat Ahli Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) ke-71 telah diadakan pada 30 Januari 2012 bagi meneliti dokumen-dokumen yang telah dikemukakan kepada pihak Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA).
- Penilaian ini mengambil kira ulasan dan pandangan orang awam semasa dokumen Syarikat Lynas ini didedahkan kepada orang awam dari 3 hingga 26 Januari 2012.
- 4 lokasi pameran dokumen tersebut adalah di Dewan LPTA Dengkil, Pejabat SUK Negeri Pahang, Cawangan LPTA di Kemaman dan Pejabat LPTA di Lynas.
- Sehingga 26 Januari 2012, seramai 334 orang awam telah hadir dan sebanyak 1,123 ulasan telah diterima.

KEPUTUSAN LEMBAGA

- Keputusan Lembaga:

Permohonan Lesen Kendalian Sementara (TOL) Syarikat Lynas ini diluluskan dengan beberapa syarat di mana jika syarat-syarat tersebut tidak dipatuhi, lesen TOL boleh digantung atau dibatalkan dan permohonan lesen seterusnya tidak akan dipertimbangkan.

Selain itu, pengurusan residu yang terhasil, semasa Syarikat Lynas di bawah lesen TOL ini, adalah di bawah tanggungjawab syarikat termasuk, jika perlu, pemulangan residu kepada sumber asal.

SYARAT-SYARAT

- a. Pihak Lynas perlu kemukakan semua aspek berkenaan *Permanent Disposal Facility* (PDF);

SYARAT-SYARAT

- b. Pelan dan lokasi PDF perlu dikemukakan tanpa mengambil kira apakah hasil daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) pengkomersilan, pengkitaran dan penggunaan semula bahan residu;

SYARAT-SYARAT

- c. Pelan dan lokasi PDF perlu dikemuka dan diluluskan dalam tempoh masa lesen dan tidak melebihi 10 bulan daripada tarikh pengeluaran lesen TOL;

SYARAT-SYARAT

- d. Pihak Lynas perlu mematuhi syarat jaminan kewangan yang ditetapkan di bawah undang-undang yang berkaitan dan mengikut cadangan yang dikemukakan oleh pihak Syarikat Lynas (M) Sdn Bhd, sebanyak USD50 juta dibayar kepada Kerajaan Malaysia secara ansuran. Ini tertakluk kepada kajian semula oleh pihak Lembaga jika ditetapkan kemudian; dan

SYARAT-SYARAT

- e. Lembaga berhak melantik perunding bebas untuk menilai kepatuhan Syarikat Lynas terhadap standard dan peraturan yang ditetapkan dan kosnya ditanggung oleh pemegang lesen